

# **Bahasa Sukuan: Suatu Kajian Analisis Terhadap Pengaruhnya dalam Bahasa Melayu**

Tengku Fauziah Ku Mat

[tengku@dbp.gov.my](mailto:tengku@dbp.gov.my)

&

Hazimah Yusof

[hazimah@dbp.gov.my](mailto:hazimah@dbp.gov.my)

Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama di kalangan masyarakat pelbagai suku kaum di Sarawak dan Sabah. Senario ini telah memberi impak yang besar kepada bahasa Melayu, terutama dalam pembinaan kosa katanya. Kertas kerja ini akan menghuraikan analisis yang telah dibuat terhadap bahasa sukuan yang digunakan di kalangan masyarakat berbahasa Melayu di Malaysia Timur. Analisis ini lebih menjurus kepada bahan-bahan sastera berbentuk kreatif berbahasa Melayu seperti novel, cerpen, sajak dan drama hasil karya penulis Sarawak dan Sabah yang semestinya penutur asal pelbagai suku kedua-dua negeri tersebut. Teorinya, analisis dilakukan dengan menggunakan pendekatan linguistik korpus. Teks pilihan didigitalkan dan dianalisis menggunakan pendekatan ini agar penggunaan dan makna kata terpilih dalam sesuatu teks saling berkaitan dengan pelbagai teks yang lain.

## **1. Pengenalan**

Projek Pengaruh Bahasa Sukuan dalam Bahasa Melayu adalah sebahagian daripada projek etimologi yang dilaksanakan di Bahagian Penyelidikan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia merupakan sebahagian daripada projek tiga serangkai yang dilaksanakan di bawah penyelarasan Prof. Dr. Harimurti Kridalaksana. Dua projek yang lain ialah ‘Kajian Kosa Kata Melayu Lama’ dan ‘Pengaruh Bahasa Nusantara dalam Bahasa Melayu’. Projek ini menjurus kepada penyelidikan dan penelitian terhadap bentuk leksikal bahasa sukuan Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk memeriksa dan mengodifikasi bentuk leksikal bahasa sukuan Sabah dan Sarawak yang terserap masuk ke dalam bahasa Melayu disamping mengenal pasti maknanya serta membandingkan makna tersebut dengan makna asalnya dalam bahasa sukuan masing-masing.

Kertas kerja ini mencakupi tiga bahagian perbincangan, iaitu skop dan metodologi penelitian, penganalisisan, dan permasalahan yang timbul sepanjang penelitian dijalankan, seterusnya pengitlakan secara keseluruhan penelitian ini.

## 2. Skop Penelitian

Umumnya, objektif utama penelitian ini dilaksanakan adalah untuk menambah dan memperkaya khazanah perbendaharaan kata umum bahasa Melayu melalui proses penyerapan kosa kata bahasa suku. Namun, tidak semua kosa kata bahasa suku itu diambil, terdapat beberapa kriteria yang telah ditetapkan dalam penelitian ini.

Antara kriteria utama dalam pemilihan kosa kata ini ialah kosa kata bahasa suku yang diketengahkan oleh golongan penulis dan aktivis budaya dalam karya penulisan mereka dalam bahasa Melayu. Golongan ini mestilah berasal dari kedua-dua negeri tersebut yang sekali gus adalah penutur asli dan mewakili suku kaum yang terdapat di situ. Realitinya, golongan penulis dan aktivis budaya ‘yang menulis’ inilah yang bertanggungjawab dan memainkan peranan besar dalam usaha memperkenalkan negeri tersebut kepada masyarakat luar melalui hasil garapan kreatif mereka, sama ada secara individu atau melalui persatuan tertentu. Selain sumber tulisan, sumber lisan tidak kurang pentingnya dalam penelitian ini, kriteria masih lagi sama, mestilah berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan keutamaan diberi sekiranya komunikasi tersebut berlaku di kalangan suku kaum yang berbeza. Namun, kendala logistik mengekang usaha tersebut dan ia masih belum dapat dilaksanakan.

Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang mempunyai pelbagai suku kaum dan menggunakan pelbagai bahasa. Fenomena ini memungkinkan bahasa mereka tersebar dan diguna sama walaupun bahasa perantaraan antara suku kaum adalah bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Sabah merupakan negeri di Malaysia yang mempunyai suku kaum yang paling banyak, iaitu 32 suku kaum, antaranya ialah suku kaum Kadazan, Rungus, Bisaya, Bajau, Melayu Brunei, Murut, dan Lundayeh serta banyak lagi.<sup>1</sup> Manakala Sarawak pula kedua terbesar, iaitu kira-kira 29 kumpulan etnik dengan

---

<sup>1</sup> menurut Prof. Madya Abdul Jamal Abd. Hamid. UMS. <http://www.ums.edu.my/pps/selidik.htm>

dialek bahasa sukuan yang banyak.<sup>2</sup> Antaranya seperti Iban, Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Kedayan, Bidayuh dan banyak lagi. Kesedaran inilah yang menjadi faktor utama penelitian ini, selain usaha memperkaya kosa kata bahasa Melayu, ia juga adalah salah satu dimensi baru ke arah memantapkan bahasa Melayu.

Hasil penulisan merupakan sumber utama penelitian ini. Seperti negeri lain, bilangan penulis di Sabah dan Sarawak tidak kurang jumlahnya dan hebat gaya penulisannya, malahan tersenarai nama di peringkat kebangsaan. Nama-nama seperti Awangku Merali, Jong Chian Lai, Jamilah Mursyidi, Jais Sahok, Benedict Sandin, Amil Jaya, Azmah Nordin, Daniel Jebon Janaun, Obasiah Osman, Sitti Rahmah, Sitti Hadiah dan ramai lagi merupakan novelis dan aktivis budaya terkenal di kedua-dua negeri itu. Golongan inilah yang banyak menggunakan unsur-unsur setempat dalam karya kreatif mereka. Gambaran unsur kebudayaan setempat diterapkan dalam penulisan dengan memasukkan istilah-istilah etnik yang pelbagai bertujuan untuk menyampaikan maksud dan menunjukkan kesan kejituhan sesuatu penceritaan. Penjanaan pemikiran kritis dan kreatif tentang permasalahan masyarakat, tentang alam dan kehidupan setempat ini pastinya dapat membina ruang kefahaman yang luas di kalangan masyarakat dari negeri-negeri lain. Kosa kata yang sebeginilah yang menjadi dasar utama penelitian ini.

Selain novel, cerpen, drama dan pelbagai karya kreatif yang lain, bahan-bahan seperti akhbar harian, majalah dan buletin juga diambil kira. Akhbar *Utusan Sarawak*<sup>3</sup>, buletin *Pedoman Rakyat*<sup>4</sup>, majalah *Wadah*<sup>5</sup>, *Dewan Sastera*<sup>6</sup> adalah antara bahan non kreatif berbahasa Melayu yang diberi perhatian dalam penelitian ini. Ini kerana banyak ruangan cerpen, sajak dan humor di tulis oleh penulis-penulis Sarawak dan Sabah. Selain itu, terdapat juga ruangan khusus untuk kebudayaan setempat yang ditulis oleh aktivis-aktivis budaya seperti upacara perayaan sesuatu kaum, adat resam dan kepercayaan yang pastinya banyak membantu penelitian ini.

---

<sup>2</sup> menurut Dr. Adi Badiozaman Tuah, <http://www.bkn.gov.my/buletin-submenu.asp?topic=19&myWidth=1>

<sup>3</sup> edisi 2000 – 2003

<sup>4</sup> edisi 1988 – 1998, 2000-2002

<sup>5</sup> edisi 1990 – 2003

<sup>6</sup> edisi 1990 – 2004

### **3. Metodologi Penelitian**

Metodologi yang digunakan dalam penelitian ini ialah kajian berdasarkan kaedah Linguistik Korpus dengan memanfaatkan Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka.

#### **3.1 Data**

Sebanyak 100 buah novel, antologi cerpen, antologi cerita rakyat, dan teks-teks kebudayaan Sabah dan Sarawak, majalah, akhbar, buletin dan komik telah dikumpul. Bahan-bahan ini terlebih dahulu dirakam secara elektronik dan diinput ke dalam pangkalan data korpus. Data digital inilah yang akan menjadi sumber utama penelitian.

#### **3.2 Pemprosesan**

Setiap data teks yang telah didigitalkan itu dianalisis menggunakan perisian *Malay Text Analysis* (MATA). Contoh MATA<sup>7</sup> tersebut ialah seperti berikut:

```
RECORD NUMBER      :      0
TEXT              :      Kumang Mencari Tarum
*****
WORD ANALYSIS - ROOT WORD FREQUENCY
*****
Number of words      :      All
Frequency            :      All
Total Number of Words    20350   100.00000
Root Words           18738   92.07862
Affied Words         268     1.31695
New Words            1337    6.57002
Numbers              0       0.00000
Invalid Words        7       0.03440
#####
Unknown Word          Count    (%) 
#####
sengkilong           :      5    0.02457
tarum                :      5    0.02457
dudok                :      4    0.01966
ilangnya              :      4    0.01966
ruai                 :      4    0.01966
chemaru              :      3    0.01474
jernang               :      2    0.00983
pengayau              :      2    0.00983
tibang                :      2    0.00983
tekalong              :      3    0.01474
```

---

<sup>7</sup> MATA berdasarkan teks Teni Geboh, *Kumang Mencari Tarum*. 1991. Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jumlah data keseluruhan daripada 100 teks yang dikumpulkan dalam subkorpus bahasa sukuan, pangkalan data korpus Bahasa Melayu ialah sebanyak 3,407,692 kata terkumpul. Namun, hanya 63 teks sahaja yang dikenal pasti mempunyai kata-kata bahasa sukuan.

Untuk mendapatkan calon kata bahasa sukuan, data tersebut dibahagikan kepada tiga kelompok, iaitu:

i. Pemilihan berdasarkan kata akar.

Semua kata akar dalam MATA terdapat dalam *Kamus Dewan* Edisi ke-4.

Setiap kata akar yang muncul dipastikan maknanya dalam Kamus, calon kata bahasa sukuan dikenali apabila terdapat label Sarawak (Sr) atau Sabah (Sb) yang tercatat pada kamus tersebut.

ii. Pemilihan berdasarkan kata baru.

Kata baru yang muncul dalam MATA ialah bahasa asing yang tidak terdapat dalam Kamus Dewan Edisi ke-4, jadi maklumat calon kata bahasa sukuan akan dicari sama ada melalui kamus-kamus berkaitan seperti *Kamus Melayu-Iban*, ensiklopedia, laman-laman web berkenaan Sabah dan Sarawak dan sebagainya.

iii. Pemilihan berdasarkan kata yang tidak munasabah.

Kata yang terdapat dalam senarai ini merangkumi kata yang tersilap ejaan, kata bahasa sukuan, nombor, simbol dan sebagainya. Calon kata sukuan biasanya banyak dikenal pasti pada bahagian ini.

Seterusnya, bagi setiap calon kata sukuan yang terpilih daripada tiga kelompok itu, disediakan contoh daripada teks asal, ditulis sumber rujukan dan disediakan ruangan makna dan maklumat suku kaum untuk dibincang bersama para informan semasa sesi perbengkelan. Contoh jadual yang disediakan ialah seperti berikut<sup>8</sup>:

---

<sup>8</sup> entri contoh telah dibengkelkan bersama-sama informan Bahasa Suku Sabah dan Sarawak.

Entri	Bahasa Suku	Makna	Contoh Teks	Sumber
babalian	Sungai Murut Dusun	bomoh	Langsung dia tidak lagi memerlukan <b>babalian</b> sebagai orang perantaraannya dengan kuasa ghaib yang mereka puja sebelum ini. (hlm. 67)	<i>Singkowoton.</i> Azmah Nordin. 1994. Dewan Bahasa dan Pustaka
agag	Lun Bawang	Sejenis alat untuk menapis beras atau padi, berbentuk bulat dan dibuat daripada buluh atau bamban. Ia berlubang kecil sesuai fungsinya sebagai alat penapis.	Kata Gur, “Kenapa jiran kita itu riuh sangat?” Dia memanggil Angi dari pondoknya. “Oi Angi parut besar! Parut kecil besar <b>agag.</b> ” (hlm. 89)	Antologi Cerita Rakyat Suku Kaum Lun Bawang - Pun Tana ( <i>Cerpen Libau dan Ilan</i> ). 1992. DBP
alah ayu	Iban	Lemah semangat atau jatuh sakit akibat melanggar pantang larang. Contohnya, seorang yang hanya biasa mengukir kayu biasa untuk membuat keranda tetapi telah mengukir kayu belian yang hanya layak diukir oleh pengukir tertentu sahaja akan ditimpa sakit atau lemah semangat.	Oleh kerana dia menantu Bedaang dia tidak panjang umur. Inilah juga yang menyebabkan seseorang menantu pantang minum jalong atau garong. Orang Iban tidak berani melanggar pantang ini kerana takut <b>alah ayu</b> atau tidak panjang umur. (hlm. 153)	Novel Senggalang Burung - Benedict Sandin-Terjemahan-Singki Lintan. 1990. DBP

Namun sekiranya terdapat makna dan maklumat suku kaum pada ruangan glosari teks sumber, dimasukkan makna dan maklumat tersebut sebagai persediaan awal sebelum perbengkelan.

### 3.3 Rujukan

Rujukan penting untuk mendapatkan maklumat tentang calon kata bahasa sukuan adalah dengan menggunakan kamus-kamus yang berkaitan seperti *Kamus Dewan*, Kamus Bahasa Iban, ensiklopedia dan beberapa sumber lain seperti laman-laman web yang memaparkan unsur-unsur kebudayaan yang berkaitan dengan kedua-dua negeri itu. Contohnya, Sarawak.com<sup>9</sup>, Sabah.com<sup>10</sup>, Universiti Malaysia Sabah

<sup>9</sup> [www.sarawak.com.my](http://www.sarawak.com.my)

<sup>10</sup> [www.sabah.com](http://www.sabah.com)

Online<sup>11</sup>, dan sebagainya. Glosari yang disertakan oleh penulis novel pada bahagian akhir novel mereka juga diambil kira sebagai bahan rujukan penelitian ini. Maklumat tersebut penting untuk mendapatkan gambaran makna, maklumat suku kaum secara umum sebelum entri terpilih itu dibincangkan dalam sesi perbengkelan.

### **3.4 Perbengkelan**

Beberapa sesi perbengkelan di antara peneliti dengan informan bahasa sukuan yang dilantik diadakan di setiap negeri Sabah dan Sarawak. Setiap calon kata bahasa sukuan yang terkumpul dibengkelkan, informan akan menentukan bahasa sukuan sesuatu perkataan dan maknanya berdasarkan penggunaan mereka dan contoh teks yang disediakan. Informan yang dilantik mestilah seorang yang benar-benar mahir dalam penggunaan beberapa bahasa sukuan setempat. Maklumat makna amat penting kerana kemungkinan berlaku peluasan, penyempitan atau perubahan makna apabila sesuatu perkataan bahasa sukuan itu terserap masuk ke dalam bahasa Melayu berbanding dengan bahasa asalnya.

## **4. Analisis Data**

Projek ini menjurus kepada penyelidikan dan penelitian terhadap bentuk leksikal bahasa sukuan Sabah dan Sarawak dan mengenal pasti maknanya dalam konteks serta membandingkan makna tersebut dengan makna asalnya dalam bahasa sukuan masing-masing.

### **4.1 Pengaruh Bahasa Sukuans Sarawak**

Di Sarawak, daripada 29 kumpulan etnik dengan dialek bahasa sukuan yang berbagai-bagai, kira-kira 30 peratus daripada penduduknya menggunakan bahasa Iban sebagai bahasa ibunda.<sup>12</sup> Jadi tidak hairanlah sekiranya bahasa tersebut menguasai carta bahasa sukuan yang banyak terpengaruh dalam bahasa Melayu.

#### **4.1.1 Pengaruh berdasarkan suku kaum**

Berdasarkan kajian yang dibuat di Sarawak, bahasa sukuan Iban merupakan bahasa suku kaum yang paling banyak terpengaruh dalam bahasa


---

<sup>11</sup> [www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my)

<sup>12</sup> kajian oleh Prof. Madya Abdul Jamal Abd. Hamid. UMS. <http://www.ums.edu.my/pps/selidik.htm>

Melayu iaitu sebanyak 59 peratus berbanding dengan bahasa Melayu Sarawak sebanyak 21 peratus, bahasa Melanau sebanyak 5 peratus dan bahasa-bahasa suku lain seperti Bidayuh dan Lun Bawang yang masing-masing sebanyak 4 peratus. Bahasa sukuan Kayan, Kenyah dan Selako yang masing-masingnya sebanyak 2 peratus serta Kedayan sebanyak 1 peratus juga diambil kira dalam senarai ini. Berikut ialah carta pai yang menunjukkan pengelasan pengaruh berdasarkan suku kaum di Sarawak:

**Carta Pengaruh Kata Suku Sarawak dalam Bahasa Melayu**



Perbezaan yang ketara ini berdasarkan beberapa faktor, iaitu:

- i. Kebanyakan buku yang dikaji telah ditulis, diterjemah dan diselenggarakan oleh penulis, penterjemah dan penyelenggara yang berasal dari suku kaum Iban. Contohnya novel *Bumi Bertuah*<sup>13</sup> dan *Senggalang Burung*<sup>14</sup>, ketiga-tiga buku ini masing-masing ditulis dan diterjemah oleh Janang Ensiring dan Singki Lintan. Ini jelas menunjukkan kebanyakan penulis dan penterjemah<sup>15</sup> menggunakan perkataan suku kaum mereka sendiri untuk menimbulkan kesan

<sup>13</sup> 1991, Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.

<sup>14</sup> 1990, Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>15</sup> Kebanyakan buku yang diterjemah ialah buku cerita rakyat Iban.

kejituhan pada buku yang dikendalikannya yang secara tidak langsung mereka memasyarakatkan bahasa suku kaum mereka.

ii. Selain itu, terdapat juga penulis-penulis yang bukan daripada suku kaum Iban seperti Azmah Nordin, Jais Sahok, Jong Chiang Lai dan lain-lain yang menggunakan perkataan suku kaum Iban dalam penulisan mereka, contohnya novel *Buhul-Buhul Kasih di Benang Basah*<sup>16</sup> oleh Jais Sahok, menggunakan perkataan Iban seperti 'nadai', 'paloi' yang bermaksud tidak dan loteng, walaupun mungkin terdapat sedikit perbezaan makna yang digunakan dengan makna asal, namun ia masih lagi perkataan Iban dan sekaligus mendapat perhatian pembaca.

iii. Sikap masyarakat Iban yang sentiasa mengambil inisiatif untuk mengenangkan aspek kebudayaan dan kepercayaan mereka zaman-berzaman. Banyak cerita rakyat Iban yang ditulis sama ada dalam bahasa Iban sendiri atau bahasa lain, khususnya bahasa Melayu dan Inggeris. Contohnya seperti buku *Jubang*,<sup>17</sup> *Gurang dan Ansang Miang*<sup>18</sup> dan *Danau Penyilang*.<sup>19</sup> Dalam proses penterjemahan<sup>20</sup> inilah, penterjemah menggunakan istilah atau perkataan Iban juga seperti 'melan-melan' yang bermaksud cantik, anggun, menawan dan 'pagar api' iaitu suatu binaan khas di ruai rumah panjang untuk upacara keagamaan.

Sikap suka memasyarakatkan bahasa sendiri inilah yang menjadikan bahasa sukuan Iban adalah bahasa yang paling banyak terpengaruh dalam bahasa Melayu. Buktinya, kata 'merarau'<sup>21</sup> telah 'digazetkan' sebagai bahasa Melayu dan digunakan secara meluas baik dalam urusan rasmi atau tidak. Namun begitu, tidak bermakna bahasa sukuan lain tidak mengambil inisiatif ini Jais Sahok contohnya, banyak menggunakan perkataan suku kaumnya sendiri iaitu Salako dalam penulisannya. Perkataan 'apar'<sup>22</sup>, 'bangkat'<sup>23</sup>, 'bengas'<sup>24</sup> dan

---

<sup>16</sup> 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>17</sup> 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>18</sup> 1993, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>19</sup> 1994, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>20</sup> Kebanyakan buku yang ditulis dalam Bahasa Iban diterjemahkan semula ke dalam Bahasa Melayu dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa & Pustaka Sarawak.

<sup>21</sup> Makan tengah hari.

<sup>22</sup> Sejenis dulang yang berkaki dan bercorak, dibuat daripada loyang atau tembaga.


<sup>23</sup> Sejenis bakul besar daripada anyaman rotan yang digunakan untuk mengangkut buah dan lain-lain.

<sup>24</sup> Binatang yang memusnahkan tanaman dan haiwan lain

banyak lagi adalah perkataan bahasa Sukuan Salako yang banyak digunakan dalam novel *Ngongcong*.<sup>25</sup> Begitu juga bahasa sukuan Melanau, iaitu kata ‘bungkas’<sup>26</sup>, Kayan ‘bungan’<sup>27</sup>, Lun Bawang dan sebagainya masing-masing terdapat pengaruhnya walaupun bilangannya sedikit. Scenario ini secara tidak langsung telah memperkaya khazanah perbendaharaan kata umum bahasa Melayu melalui proses penyerapan.

#### 4.1.2 Pengaruh berdasarkan kategori bahasa sukuan

Kalau dilihat pada kategori bahasa sukuan yang terpengaruh dalam bahasa Melayu di Sarawak berdasarkan data tulisan, selain daripada kata-kata umum, flora dan fauna adalah yang paling banyak digunakan oleh penulis. Selebihnya kategori kebudayaan, adat resam dan kepercayaan, kraftangan, peralatan, pangkat dan gelaran, makanan, simpulan bahasa dan istilah setempat. Berikut ialah carta bar yang menunjukkan pengelasan pengaruh berdasarkan kategori bahasa sukuan yang digunakan dalam penulisan, iaitu:



<sup>25</sup> 2002, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>26</sup> Marah.

<sup>27</sup> Kepercayaan agama

Nama-nama tumbuhan dan binatang dikekalkan penggunaan seperti dalam bahasa asalnya dalam penulisan, mungkin kerana tiada padanan dalam bahasa Melayu atau memang ia hanya terdapat di bumi kenyalang itu sahaja. Masyarakat Iban misalnya, terlalu mempercayai petanda yang dibawa oleh burung, cara burung terbang, tinggi atau rendah kedudukannya, saiznya, bentuk bunyi yang dikeluarkan, semuanya memberikan petanda tertentu, jadi dalam penceritaan aspek ini banyak diketengahkan, terutama dalam cerita rakyat. Begitu juga aspek kebudayaan dan kepercayaan, banyak istilah setempat yang diketengahkan oleh penulis dalam novel atau cerpen. Istilah ‘pagar api’<sup>28</sup> dan ‘sandau hari’<sup>29</sup> merupakan contoh aspek kepercayaan dan kebudayaan yang diketengahkan oleh penulis dalam novel atau cerpen. Fenomena ini secara tidak langsung menunjukkan adanya kaitan yang rapat kedua-dua unsur bahasa dan budaya.

#### 4.2 Pengaruh Bahasa Sukuan Sabah

Fenomena di Sabah tidak seperti yang berlaku di Sarawak, daripada 32 kumpulan etnik dengan dialek bahasa sukuan yang berbagai-bagai, imbangan yang hampir setara berlaku kalau dilihat daripada segi pengaruh bahasa dalam karya kreatif.

##### 4.2.1 Pengaruh berdasarkan suku kaum


Berdasarkan kajian yang dibuat di Sabah, hanya sedikit perbezaan yang dilihat daripada segi penggunaan bahasa sukuan dalam penulisan. Bahasa suku kaum Dusun dan Bajau adalah yang terbanyak iaitu masing-masing 22 dan 21 peratus, diikuti oleh Melayu Sabah, Sungai dan Murut yang masing-masing 18, 17 dan 10 peratus. Manakala yang lain-lain seperti suku kaum Bisaya, Iranum dan Kadazan pula mencatatkan masing-masing 3 dan 4 peratus. Berikut ialah carta pai yang menunjukkan pengelasan pengaruh berdasarkan suku kaum di Sabah:

---

<sup>28</sup> Suatu binaan khas daripada ranting kayu di ruai rumah panjang dibuat untuk upacara pemisahan roh manusia dengan orang yang masih hidup

<sup>29</sup> majlis keramaian bagi menandakan kegembiraan, diadakan pada siang hari sahaja

**Carta Pengaruh Kata Sukuan Sabah dalam Bahasa Melayu**



Perbezaan yang hampir setara ini berdasarkan beberapa faktor, iaitu:

- i. Ramai penulis terdiri daripada pelbagai suku kaum di Sabah seperti Amil Jaya, Daniel Jebon Janaun, Obasiah Osman, Sitti Rahmah, Sitti Hadiyah dan ramai lagi. Golongan ini telah menerapkan pelbagai unsur setempat dalam penulisan mereka. Sebagai contoh, Sitti Rahmah telah banyak memasukkan unsur bahasa suku kaum Sungai dalam novelnya *Kungkian Kasih*<sup>30</sup> seperti kata 'batan' yang bermaksud bakul yang diperbuat daripada rotan.
- ii. Selain itu, terdapat juga penulis-penulis yang bukan daripada suku kaum di Sabah menggunakan pelbagai kata suku kaum di negeri itu dalam penulisannya. Contoh yang paling dikenali ialah Azmah Nordin, beliau menggunakan perkataan suku kaum Bisaya dalam novelnya *Setulus Sarina*<sup>31</sup>, iaitu perkataan 'embuyat' yang bermaksud makanan daripada tepung sagu dan istilah suku kaum Murut iaitu 'aki kopuuno' dalam novel yang lain iaitu *Singkowoton*<sup>32</sup> yang bermaksud pencipta langit dan bumi, walaupun mungkin

<sup>30</sup> 1994, Dewan Bahasa & Pustaka.

<sup>31</sup> 1989, Fajar Bakti Sdn. Bhd.

<sup>32</sup> 1994, Dewan Bahasa dan Pustaka

terdapat sedikit perbezaan makna dengan makna asal, namun ia masih lagi perkataan suku kaum di Sabah dan sekaligus mendapat perhatian pembaca.

iii. Di Sabah, banyak buku yang mengenangkan unsur-unsur budaya setempat seperti buku *Alat-alat Muzik Tradisional Sabah Warisan Budaya Kita Bersama* yang ditulis oleh Pius J. Kating<sup>33</sup>. Contohnya penggunaan perkataan suku kaum Dusun, ‘bohungon’ yang bermaksud bakul yang diperbuat daripada pelepas rumbia telah digunakan sebutan asalnya dalam teks tersebut, manakala dalam situasi lain pula, penulis K. Bali juga menggunakan perkataan dengan maksud yang sama dalam novelnya *Si Gunting*<sup>34</sup> dan *Diari K. Bali*.<sup>35</sup> Fenomena ini memantapkan lagi penggunaan perkataan itu walaupun dalam dua karya yang berbeza. Selain itu terdapat rencana yang memaparkan tentang tarian tradisional Sabah seperti tarian Sumazau, Mangunatip dan sebagainya (*Dewan Budaya, Disember 1980*)<sup>36</sup> juga laman-laman web yang memaparkan tentang pakaian dan hiasan diri kaum di Sabah,<sup>37</sup> seperti pakaian Murut, Kadazan, Bisaya dan sebagainya.

Faktor-faktor inilah yang menjadi sebab utama bahasa sukuan Sabah hampir sekata terpengaruh ke dalam bahasa Melayu. Perkataan seperti ‘induruk’ yang bermaksud makan sedikit sebelum tidur (malam) daripada bahasa sukuan Iranun sesuai digunakan dalam bahasa Melayu kerana belum ada padanan kata yang sesuai, sedangkan ada padanannya dalam bahasa Inggeris iaitu *supper*. Penyerapan ini secara tidak langsung akan memperkaya khazanah perbendaharaan kata umum bahasa Melayu.

#### 4.1.2 Pengaruh berdasarkan kategori bahasa sukuan

Kalau dilihat daripada segi kategori bahasa sukuan yang terpengaruh dalam bahasa Melayu di Sabah daripada data tulisan, selain daripada kata-kata umum, kategori peralatan dan adat resam dan kebudayaan adalah yang paling banyak digunakan, seterusnya diikuti oleh kategori flora dan fauna. Kategori

<sup>33</sup> 1996, KDI Publications Sdn. Bhd.

<sup>34</sup> 1991, Dewan Bahasa dan Pustaka


<sup>35</sup> 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>36</sup> muka surat 36-38

<sup>37</sup> [http://www.sabah.org.my/bm/kenali\\_sabah/kesenian.asp](http://www.sabah.org.my/bm/kenali_sabah/kesenian.asp)

peralatan amat besar pengaruhnya kerana di Sabah kebanyakannya suku kaumnya mempunyai kesenian tersendiri seperti alat muzik tradisional, alat tenunan, peralatan untuk sesuatu upacara dan sebagainya. Contohnya kata ‘tulopok’<sup>38</sup> bahasa Kadazandusun, ‘sundatang’<sup>39</sup> bahasa suku kaum Sungai, ‘garus’<sup>40</sup> bahasa Bisaya merupakan beberapa contoh peralatan yang banyak dijumpai dalam karya penulisan masyarakat Sabah. Berikut adalah carta pai untuk menunjukkan kategori pengaruh bahasa sukuan Sabah dalam bahasa Melayu:

**Skop Pengaruh Kata Sukuan Sabah dalam bahasa Melayu**



- Flora & Fauna
- Kebudayaan/Adat Resam/Pantang Larang/Kepercayaan/ Pengubatan/Perayaan
- Istilah, Simpulan Bahasa
- Peralatan
- Pangkat/Gelaran/Panggilan
- Makanan/Minuman
- Kraftangan (Anyaman/ Sulaman, Ukiran)
- Kata Umum

#### 4.3 Beberapa Permasalahan Semasa Analisis

Terdapat beberapa permasalahan yang timbul semasa penelitian menyebabkan timbul keraguan dalam menentukan bahasa sukuan pada setiap calon kata sukuan yang dipilih. Permasalahan tersebut ialah:

<sup>38</sup> sejenis alat untuk menghalau burung di kawasan tanaman padi dengan cara mengalirkan air pada suatu corong yang akan mengeluarkan bunyi apabila air keluar

<sup>39</sup> sejenis alat muzik yang diperbuat daripada batang nangka

<sup>40</sup> sejenis alat untuk memarut batang rumbia

i. Terdapat sesetengah penulis yang bukan berasal daripada negeri Sarawak menulis novel atau cerpen yang menceritakan tentang kebudayaan negeri Sarawak. Timbul keraguan makna bagi perkataan yang digunakan sama ada daripada bahasa sukuan Sarawak atau Sabah. Contohnya seperti perkataan 'pangahramin' yang digunakan oleh Amil Jaya<sup>41</sup> dalam novelnya *Ngayau*<sup>42</sup>. perkataan 'sentil' dan 'rimpak' dalam novel *Dari Dalam Cermin*<sup>43</sup> oleh Azmah Nordin<sup>44</sup>. Perkataan-perkataan ini tidak dapat dipastikan maknanya oleh informan yang dilantik kerana penulisnya bukan berasal dari Sarawak. Namun, dalam situasi yang sama penulis K. Bali<sup>45</sup> menggunakan banyak bahasa sukuan pelbagai kaum di Sabah dalam karyanya dengan tepat, seperti 'baung'<sup>46</sup> dari suku Bajau, 'bongan'<sup>47</sup> dari suku Dusun, 'linggis'<sup>48</sup> dari suku kaum Murut dan banyak lagi.

ii. Artikel atau novel yang ditulis oleh penulis Sabah diterbitkan di Sarawak. Contohnya novel-novel Azmah Nordin seperti *Sitti Ariana*<sup>49</sup> dan *Noor Ainku Sayang*<sup>50</sup>. begitu juga novel *Ngayau* oleh Amil Jaya. Novel-novel ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa & Pustaka Cawangan Sarawak. Situasi ini memungkinkan penyelidik menganggap bahawa novel-novel tersebut ditulis oleh penulis asal Sarawak sedangkan perkataan yang digunakan tidak diketahui oleh informan bahasa sukuan Sarawak.

iii. Pemilihan kata yang tidak menggambarkan maksud sebenar juga dijumpai semasa membuat penelitian dan perbengkelan. Contohnya penggunaan perkataan untuk burung 'jeruit' dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*,<sup>51</sup> ia bukan sekadar bermaksud sejenis burung kecil, malah mengikut kepercayaan kaum Iban, kicauan burung tersebut kebiasaannya akan memberi alamat atau petanda sesuatu perkara akan berlaku.

iv. Terdapat penulis yang menggunakan daya kreativitinya dengan memasukkan pelbagai bahasa sukuan dalam pengkaryaan mereka, namun

---

<sup>41</sup> Mohd. Ismail Abbas, dilahirkan di Kampung Parisan, Kota Belud, Sabah.

<sup>42</sup> 1979, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>43</sup> 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>44</sup> Dilahirkan di Kulim, Kedah pada 10 Januari 1958 dan menetap di Sabah sejak 1973

<sup>45</sup> Abdul Rahim bin Abdullah, dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan.

<sup>46</sup> Bekas minuman yang diperbuat daripada tempurung kelapa

<sup>47</sup> bakul yang diperbuat daripada pelepas rumbia digunakan untuk membawa barang-barang yang besar dan banyak untuk sesuatu perjalanan yang jauh.

<sup>48</sup> Menggiling atau menghancurkan sesuatu

<sup>49</sup> 1993, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>50</sup> 1990, Dewan Bahasa dan Pustaka

<sup>51</sup> 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka

penggunaannya tidak menepati dengan pengertian sebenar yang diberikan oleh para informan bahasa sukuan berbanding dengan maksud yang diberikan pada ruangan glosari dalam novelnya. Situasi ini menyukarkan peneliti untuk mendapat keterangan yang sebenar tentang perkataan tersebut.

## 5. Ulasan

Walaupun terdapat beberapa permasalahan yang dihadapi semasa penelitian dibuat, namun terdapat juga beberapa perkara menarik sepanjang penelitian ini dibuat seperti:

i. Terdapat beberapa entri yang digunakan di kedua-dua buah negeri Sabah dan Sarawak atau dengan ungkapan lain ‘guna sama’. Contoh perkataan ‘kikiat’ yang memberi makna lubang bekas gigitan atau patukan binatang, serangga dan mergastua pada buah, pokok atau benda-benda keras. Ia digunakan oleh suku Bidayuh di Sarawak dan suku Murut di Sabah.

ii. Begitu juga terdapat perkataan yang sama digunakan oleh beberapa suku kaum, seperti perkataan ‘mali’ yang bermaksud pantang telah digunakan oleh seluruh kaum di Sarawak. Manakala perkataan ‘muas’ pula digunakan oleh suku kaum Iban dan Melanau yang bermaksud ratapan semasa upacara kematian yang disampaikan dalam bentuk bahasa berrima. Kedua-dua fakta ini amat menarik untuk dibuat kajian tentang suku kaum manakah yang mula-mula sekali menggunakan perkataan tersebut.

iii. Terdapat novel yang dihasilkan oleh individu yang benar-benar menghayati kebudayaan dan adat istiadat kaum mereka, contohnya novel *Sengalang Burung* dan *Bumi Bertuah* yang ditulis oleh Janang Ensiring. Pengetahuan dan kefahaman beliau yang mendalam tentang aspek kebudayaan Iban membuatkan novelnya hidup dan dapat menggambarkan suasana yang sebenar kepada pembaca.

iv. Kecenderungan pengaruh bahasa sukuan ini dapat dilihat daripada penggunaan entri bahasa sukuan dalam teks, contohnya kaum Iban cenderung mengenengahkan tradisi Iban seperti pelbagai upacara dan adat istiadat, kepercayaan kepada petanda yang dibawa oleh burung, pokok, mimpi dan lain-lain, manakala suku kaum Lun Bawang pula cenderung mengenengahkan pakaian tradisi, kraftangan dan lain-lain.

v. Daripada sesi perbincangan dan perbengkelan, terdapat beberapa peribahasa, khususnya masyarakat Iban, yang sepatutnya direkodkan. Beberapa peribahasa seperti 'sempidan takutkan api' yang bermaksud seseorang yang tidak membayar hutang takut berjumpa dengan orang yang memberi hutang kepadanya dan peribahasa 'bagai ingkat tak pernah ke laut' yang bermaksud seseorang mengaku pandai dalam sesuatu ilmu tetapi tidak pernah menunjukkan kepandaianya, sepatutnya sama seganding dengan peribahasa Melayu yang lain, perlu direkod dan diuar-uarkan.

Itulaknya, penelitian ini penting kerana banyak kata yang masih belum terakam dalam perkamusuan Melayu perlu dibuat kajian dan disebarluaskan kepada umum. Kemudahan teknologi moden seperti pengkomputeran dan sebagainya serta kepakaran dalam bidang ini mendorong penyelidik membuat penyelidikan dan penelitian yang lebih mendalam dan sempurna.

(Kertas kerja ini dibentangkan di Persidangan Antarabangsa ATMA dan IKON: *The Languages and Literatures of Western Borneo: 144 Years of Research* yang diadakan di Bilik Majlis, Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 31 Januari – 2 Februari 2005)

## Bibliografi

1. \_\_\_\_\_. *Gurang Dengan Angsang Miang*. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. \_\_\_\_\_. *Jubang*. 1992. Penyelenggara Dewan Bahasa dan Pustaka Sarawak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Amil Jaya. *Ngayau*. 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Anthony Ricards. An Iban-English Dictionary. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. & Oxford University Press.
5. Azmah Nordin. 1994. *Singkowoton*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
6. Azmah Nordin. *Dari Dalam Cermin*. 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Azmah Nordin. *Noor Ainku Sayang*. 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
8. Azmah Nordin. Setulus Sarina. 1989. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
9. Azmah Nordin. *Sitti Ariana*. 1993. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
10. Benedict Sandin. *Novel Senggalang Burung* (Terjemahan oleh Singki Lintan). 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
11. *Dewan Budaya*. Disember 1980 (ms 36-38). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. *Dewan Sastera*. Edisi 1990 – 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
13. Francis Jalak. *Danau Penyilam*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
14. <http://www.bkn.gov.my/buletin-submenu.asp?topic=19&myWidth=1>
15. [http://www.sabah.org.my/bm/kenali\\_sabah/kesenian.asp](http://www.sabah.org.my/bm/kenali_sabah/kesenian.asp)
16. <http://www.ums.edu.my/pps/selidik.htm>
17. Jais Sahok. *Buhul-buhul Kasih di Benang Basah*. 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

18. Jais Sahok. *Ngoncong*. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
19. Janang Ensiring. *Bumi Bertuah*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
20. Jong Chian Lai. *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*. 1986. Dewan Bahasa dan Pustaka.
21. K. Bali. *Diari K. Bali*. 1992. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
22. K. Bali. *Si Gunting*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
23. Kamus Bahasa Iban-Bahasa Malaysia. 1988. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
24. *Kamus Dewan*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
25. *Pedoman Rakyat*. Edisi 1988–1998 & 2000-2002. Sarawak: Jabatan Penerangan Malaysia Sarawak.
26. Pius J. Kating. *Alat-alat Muzik Tradisional Sabah Warisan Budaya Kita Bersama*. 1996. KDI Publications Sdn. Bhd.
27. Sitti Rahmah G. Ibrahim. *Kungkaian Kasih*. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
28. Teni Geboh. *Kumang Mencari Tarum*. 1991. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
29. *Utusan Sarawak*. Edisi 2000–2003.
30. Vinson and Joanne Sutlive. 2001 (Volume 1–4). *The Encyclopaedia of Iban Studies*. Sarawak: The Tun Jugah Foundation.
31. *Wadah*. Edisi 1990–2003. Sabah: Dewan Bahasa dan Pustaka.
32. [www.sabah.com](http://www.sabah.com)
33. [www.sarawak.com.my](http://www.sarawak.com.my)
34. [www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my)